

UPM tetapkan sasaran lebih tinggi

SERDANG 12 Jan. - Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mahu setiap kakitangan dan pelajar universiti itu membantunya meningkatkan prestasi akademik, pengurusan serta pencapaian lain bagi mengukuhkan lagi kedudukan UPM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menurutnya, UPM perlu memperkemas dan memperkasakan institusi itu, selain belajar daripada institusi yang terbaik seperti Universiti Harvard, Oxford dan Yale yang berjaya mengekalkan kecemerlangan mereka walaupun selepas berdekad-dekad ditubuhkan.

Dalam perutusan tahun barunya bertajuk 'Melestari Budaya Organisasi Prestasi Tinggi' di sini baru-baru ini, beliau berkata, antara usaha yang akan dilakukan termasuk menambah baik perancangan strategik UPM untuk menjadi pemimpin dunia dan memperbaiki penarafan *The Times Higher Education - Quacquarelli Symonds* (THE-QS).

"Jangan memberi alasan sejarah penuhan universiti kerana National University of Singapore yang masih muda juga mampu berada di kedudukan ke-30 universiti terbaik dunia tahun lalu," katanya.

Nik Mustapha berkata, UPM perlu sentiasa proaktif mendepani cabaran dan sentiasa memimpin sehingga menjadi kayu

pengukur kepada institusi lain.

Beliau berkata, UPM perlu menyediakan perkhidmatan terbaik supaya menjadi pilihan pelajar, pekerja dan pelabur melalui aktiviti perundingan, perniagaan dan perkhidmatan kepakaran bagi tujuan komersial.

"Budaya kesegeraan hanya dapat dicapai jika kita mengikut model SCORES (Perkongsian Maklumat dan Komunikasi Terbuka), visi yang meyakinkan, pembelajaran berterusan, kelestarian keutamaan pelanggan, memperkasa sistem dan struktur dan perkongsian kuasa dan pembabitan menyeluruh," katanya.

Melalui penambahbaikan organisasi, katanya, amalan *flat organization* menjadi pilihan terbaik dalam komunikasi di UPM bagi mengelakkan salah faham selain mengamalkan komunikasi yang lebih terbuka antara semua kakitangan.

"*Flat organization* menuntut kita melaksanakan budaya pengupayaan dalam organisasi yang membolehkan kuasa autonomi membentuk *self directed team* dan *self directed individual*.

"Selain itu, kita akan berusaha menggunakan '*cockpit management*' pada tahun ini yang boleh membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan maklumat," katanya.

Nik Mustapha juga menegaskan bahawa



WAWASAN... Nik Mustapha R. Abdullah ketika menyampaikan amanat tahun baru kepada warga kerja dan pelajar UPM di Serdang, baru-baru ini.

UPM perlu mengekalkan status Universiti Penyelidikan supaya dapat menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembinaan kekayaan negara.

"UPM perlu mempunyai wawasan yang jelas dengan mengambil kira perubahan persekitaran semasa sejajar dengan Pelan Stra-

tegik Pengajian Tinggi Negara," katanya.

Beliau percaya UPM berupaya meningkatkan dan mempraktikkan konsep 'Total Quality Management' dengan lebih berkesan, merealisasikan semua matlamat dan memberi impak kepada ketamadunan bangsa.